



PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)
OFFICE OF THE DEPUTY VICE CHANCELLOR (RESEARCH AND INNOVATION)

Ruj. Tuan :
(Your Ref.)
Ruj. Kami : UPM.TNCPI.800-7/8
(Our Ref.)
Tarikh : 19 November 2018
(Date)

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PELAWAAN BAGI PERMOHONAN BIASISWA PASCA DOKTORAL DI BAWAH TAJAAN
HUMAN LIFE ADVANCEMENT FOUNDATION (HLAF)**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan, Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan (Penyelidikan) kali ke-112 pada 9 November 2018 telah bersetuju untuk mempelawa calon warganegara Malaysia yang berminat bagi memohon biasiswa pasca doktoral di bawah tajaan **HUMAN LIFE ADVANCEMENT FOUNDATION (HLAF)**.

3. Maklumat permohonan seperti dilampirkan dan juga boleh diakses di laman sesawang <http://www.tncpi.upm.edu.my>. Tarikh tutup permohonan ialah pada **30 November 2018 (Jumaat)**.

4. Sehubungan itu, mohon kerjasama YBhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk menghebahkan perkara ini kepada calon yang berminat di PTJ masing-masing mengenai perkara ini.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERILMU BERBAKTI"

Yang menjalankan tugas,


SHAHIRIMAN BIN HASHIM

Ketua Pentadbiran

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Universiti Putra Malaysia

s.k. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)



PELAWAAN BAGI PERMOHONAN BIASISWA PASCA DOKTORAL DI BAWAH TAJAAN HUMAN LIFE ADVANCEMENT FOUNDATION (HLAF)

PENGENALAN

1. Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menandatangani *Memorandum of Agreement* (MoA) dengan *Human Life Advancement Foundation* (HLAF) pada 24 Julai 2018 di mana pihak Sekolah Pengajian Siswazah (SGS) UPM adalah meneraju dan penyelaras bagi pihak UPM ke atas pelaksanaan MoA ini.
2. Biasiswa yang akan ditawarkan oleh pihak HLAF adalah ke atas pelajar siswazah dan juga pasca doktoral di UPM mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
3. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UPM sebagai urusetia bagi pelantikan pasca doktoral akan membuat saringan dan pemilihan ke atas calon yang layak untuk dikemukakan kepada pihak HLAF untuk proses selanjutnya.

MAKLUMAT BIASISWA

4. Pihak HLAF bersetuju untuk memberi maksimum 10 biasiswa kepada penerima dari kalangan calon pasca doktoral UPM yang telah dikenalpasti.
5. Kadar maksimum elaun yang diberikan kepada penerima biasiswa ialah USD35,000 seorang.
6. Tempoh maksimum pasca doktoral ialah 12 bulan, dan boleh dilanjutkan tempoh sehingga 12 bulan berikutnya tertakluk kepada persetujuan oleh HLAF.
7. Senarai calon hendaklah dikemukakan kepada pihak HLAF setelah melalui tapisan di peringkat jawatankuasa pemilihan UPM.
8. Bagi calon yang telah berjaya menerima biasiswa, adalah menjadi tanggungjawab pihak UPM untuk mengemukakan laporan tahunan kemajuan penyelidikan calon kepada pihak HLAF.
9. Tempoh sah MoA ini adalah selama dua (2) tahun dari tarikh 24 Julai 2018.

PROSES PERMOHONAN

10. Bagi calon yang berminat, permohonan boleh dikemukakan dengan melengkapkan **Borang Permohonan Felo Pasca Doktorat** yang boleh dimuat turun dari laman sesawang <http://reg.upm.edu.my/eISO/action.outsider>. Semua dokumen sokongan hendaklah disertakan bersama borang permohonan.
11. Tarikh tutup permohonan ialah pada **30 November 2018 (Jumaat)**.
12. Permohonan yang memenuhi syarat akan dikemukakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih (Penyelidikan) di Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) untuk sokongan dan perakuan.
13. Calon yang berjaya akan dimaklumkan kepada pihak Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing dan seterusnya senarai calon tersebut akan dihantar ke pihak HLAF untuk proses selanjutnya.

PERTANYAAN

14. Sebarang pertanyaan mengenai biasiswa HLAF boleh berhubung dengan urusetia di Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) di talian 03-8947 1242/1633 atau hwmi@upm.edu.my.

Bahagian Pentadbiran
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Universiti Putra Malaysia

19 November 2018

SENARAI EDARAN

Dekan, Fakulti Pertanian
Dekan, Fakulti Perhutanan
Dekan, Fakulti Perubatan Veterinar
Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Dekan, Fakulti Kejuruteraan
Dekan, Fakulti Pengajian Pendidikan
Dekan, Fakulti Sains
Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
Dekan, Fakulti Ekologi Manusia
Dekan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Dekan, Fakulti Rekabentuk dan Senibina
Dekan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Dekan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Dekan, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
Dekan, Fakulti Pengajian Alam Sekitar
Dekan, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan
Pengarah, Institut Biosains
Pengarah, Institut Teknologi Maju
Pengarah, Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia
Pengarah, Institut Penyelidikan Matematik
Pengarah, Institut Penyelidikan Produk Halal
Pengarah, Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan
Pengarah, Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan
Pengarah, Institut Pengajian Sains Sosial
Pengarah, Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan
Pengarah, Institut Kajian Perladangan
Pengarah, Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik